

# LAPORAN PENGURUS PERTENGAHAN TAHUN SEHINGGA 31 OGOS 2024



**AMANAH SAHAM KEDAH**  
*Asas Sumber Kesejahteraan*



## Laporan Pengurus Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 2024

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Pemegang unit Amanah Saham Kedah (ASK) yang dihormati,

Kedah Islamic Asset Management Berhad selaku Pengurus Tabung ASK dengan sukacitanya membenteng Laporan Pertengahan Tahun dan Penyata Akaun Belum Beraudit ASK ke-30 bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2024.

### MAKLUMAT DANA

**Nama :** Amanah Saham Kedah ("Tabung ASK")

**Jenis :** Pendapatan dan Pertumbuhan Modal

**Kategori :** Tabung Ekuiti Berteraskan Syariah

**Objektif Pelaburan :** Untuk memberikan pelabur suatu peluang peningkatan modal dan pengagihan pendapatan melalui pelaburan yang berteraskan prinsip Syariah pada tahap risiko yang munasabah.

**Tempoh Hayat Tabung ASK :** Dilancarkan pada 27 Februari 1995 dan akan terus beroperasi sehingga ditamatkan mengikut Fasal 25 Suratikatan ASK.

**Tanda Aras Prestasi :** Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah.

**Polisi Pengagihan Pendapatan :** Pengagihan tahunan/interim (jika ada) berdasarkan jumlah pulangan Tabung ASK.

### Pecahan Pegangan Unit ASK Pada 31 Ogos 2024

Kedudukan Pelabur Mengikut Pegangan Unit				
Pegangan Unit	Pelabur	%	Unit	%
5,000 ke bawah	22,609	90.54	4,864,320	5.37
5,001 ke 10,000	803	3.22	5,943,113	6.56
10,001 ke 50,000	1,345	5.39	27,183,274	30.01
50,001 ke 500,000	210	0.84	21,440,104	23.67
500,001 ke atas	4	0.02	31,018,346	34.25
Stok Pengurus	-	-	125,422	0.14
<b>Jumlah</b>	<b>24,971</b>	<b>100.00</b>	<b>90,574,578</b>	<b>100.00</b>



## MAKLUMAN

### **Perubahan Alamat Dan Maklumat Pelabur**

Para pelabur adalah dinasihat supaya memaklumkan pihak KIAM sebarang perubahan alamat dan maklumat peribadi sama ada melalui telefon, surat atau emel. Bagi waris kepada pemegang unit yang telah meninggal dunia, waris adalah dinasihat supaya melaporkan kepada KIAM tentang perkara tersebut bagi membolehkan KIAM mengambil tindakan yang perlu.

### **Maklumat Akaun Bank Pelabur**

Pengurusan ASK sedang dalam proses penambahbaik perkhidmatan seperti transaksi unit-unit Tabung ASK dan proses agihan pulangan pelaburan kepada para pemegang unit. Sehubungan dengan itu, para pelabur adalah dipohon untuk memberi maklumat akaun bank bagi memudahkan pihak KIAM untuk mengkreditkan terus bayaran belian balik unit ASK dan pulangan pelaburan (sekiranya ada) ke dalam akaun pemegang unit di masa hadapan.

### **Pengeluaran Laporan-Laporan Tabung ASK Secara Elektronik**

KIAM telah mendapat kelulusan pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) pada 15 Oktober 2021 untuk mengeluarkan Laporan Tahunan dan Laporan Interim Tabung ASK kepada semua pelabur secara elektronik.

Ini adalah selaras dengan peruntukan SC di dalam Garispanduan Mengenai Urusniaga Dan Aktiviti Dalam Talian Berkaitan Unit Amanah ("Guidelines On Online Transactions And Activities In Relation To Unit Trusts"), Bahagian 3, Perkara 7.06. Para pelabur boleh mengakses laporan-laporan Tabung ASK melalui pautan di laman web KIAM, iaitu di [www.kiam.com.my](http://www.kiam.com.my). Pihak KIAM telah memuat turun laporan-laporan Tabung ASK di laman web tersebut untuk rujukan para pelabur.



Jika pelabur masih ingin mendapatkan laporan-laporan Tabung ASK yang bercetak, ianya boleh didapati di pejabat KIAM atau membuat permohonan dengan mengisi borang di bawah:

Nama Pelabur:

\_\_\_\_\_

No. KP: \_\_\_\_\_

Alamat surat menyurat (jika ada perubahan):

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Nombor telefon : \_\_\_\_\_

Alamat e-mel (jika ada) : \_\_\_\_\_

Maklumat bank

Nama bank : \_\_\_\_\_

Nombor Akaun: \_\_\_\_\_

Saya ingin mendapatkan laporan-laporan Tabung ASK secara bercetak dan melalui pos.

(tanda ✓ jika perlu)

\_\_\_\_\_  
Tandatangan

\_\_\_\_\_  
Tarikh

Para pelabur boleh mengisi dan mengembalikan secara pos, faks atau email kepada kami borang di atas ke:

KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD  
178, Lebuhraya Sultanah Bahiyah  
05350 Alor Setar  
Kedah Darul Aman

Email: ask@kiam.com.my

Telefon: 04-7300323

Faks: 04-7300320




## LAPORAN PENGURUS

### Pencapaian Objektif Dan Analisa Prestasi Berbanding Tanda Aras


Bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2024, Nilai Aset Bersih (NAB) seunit Tabung ASK naik 9.79% kepada RM0.2982 di penutup urusan pada 31 Ogos 2024 daripada RM0.2716 di pembukaan urusan pada 1 Mac 2024. Prestasi ini menunjukkan sedikit peningkatan berbanding Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Syariah (selepas ini dirujuk sebagai "FBMSHA") yang naik 6.58% dalam tempoh yang sama.

Perubahan Nilai Aset Bersih Seunit Tabung ASK Berbanding Tanda Aras FBMSHA Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 2024



Bagi prestasi 5 tahun yang lepas, iaitu dari 1 September 2019 hingga 31 Ogos 2024, Tabung ASK naik sebanyak 41.89% berbanding peningkatan FBMSHA sebanyak 3.14%, selepas diselaraskan dengan pengagihan-pengagihan pendapatan.

Perubahan Nilai Aset Bersih Seunit Tabung ASK Berbanding Tanda Aras FBMSHA Untuk 5 Tahun Yang Lepas



Objektif pelaburan yang berteraskan prinsip Syariah tetap dipelihara. Majlis Penyeliaan Syariah KIAM di dalam laporannya (*rujuk mukasurat 10*) telah mengesahkan bahawa Tabung ASK telah diurus dan ditadbir mengikut prinsip-prinsip Syariah dan mematuhi garis panduan, peraturan dan keputusan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berhubung hal ehwal Syariah.



## **Strategi dan Polisi Pelaburan Digunapakai Untuk Mencapai Keputusan Prestasi**

Strategi dan polisi pelaburan yang digunapakai untuk mencapai prestasi yang dicatatkan bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2024 terbahagi kepada tiga; (a) peruntukan aset strategik (“strategic asset allocation”), (b) peruntukan sektor strategik (“strategic sector allocation”) dan (c) pemilihan saham strategik (“strategic stock selection”).

### **Peruntukan aset strategik**

Bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2024, peruntukan ekuiti dikekalkan melebihi 70% dan tidak melebihi 95%, seperti keperluan yang dinyatakan di dalam prospektus.

Strategi terkini, pemilihan Pengurus masih di dalam sektor kesihatan bagi jangka masa yang pendek ini. Pengurus akan menilai dan beralih kepada tematik selektif seperti sektor runcit, sektor pelancongan, sektor komoditi, sektor minyak mentah dan sektor perbankan. Untuk jangka masa panjang, Pengurus menumpukan kepada sektor teknologi selaras dengan teknologi terkini seperti 5G.

### **Peruntukan sektor strategik**

Pendekatan secara pro-aktif juga diambil di dalam peruntukan sektor strategik yang dibuat berdasarkan kepada unjuran prestasi sektor-sektor di dalam ekonomi yang dijangka lebih cemerlang.

### **Pemilihan saham strategik**

Proses penyelidikan kami menghendaki kami mempunyai pemahaman yang kukuh mengenai syarikat, amalan perniagaannya, reputasi dan perlakuan hak pemegang saham.

Pasukan penyelidik berusaha untuk melakukan wawancara dengan individu di pelbagai peringkat pengurusan, pembekal, pelanggan dan pesaingnya. Kami juga mencari maklumat yang relevan melalui artikel berita dan Bloomberg.

Bagi pelaburan ekuiti, Pengurus akan mengenalpasti sama ada pelaburan di dalam sesebuah syarikat tersenarai itu dibuat atas dasar pelaburan asas (“core”), pelaburan untuk dividen (“dividend/yield”), pelaburan untuk pertumbuhan modal (“growth”) atau pelaburan berasaskan nilai (“value”).

Manakala bagi pelaburan di dalam pasaran wang pula, Pengurus Tabung ASK membuat pelaburan bagi tempoh jangkamasa pendek dan sederhana. Pelaburan telah dibuat di dalam instrumen-instrumen seperti *Term Deposit-i Tawarruq-Special (TDT-i Special)*, *Al-Wadiah*, *Corporate Commodity Murabahah Deposit (CCMD)* dan *Commodity Murabahah Deposit-i (CMD-i)*.



## Ulasan Pasaran Saham

Indeks FBM Emas Syariah (FBMSHA) mencatatkan kenaikan sebanyak 7.11% sepanjang tempoh enam bulan (Mac 2024 – Ogos 2024). Komposit Syariah ini ditutup pada 12,286.67 mata di penghujung Ogos, berbanding 11,471.55 mata pada awal Mac.

Faktor-faktor yang telah mempengaruhi naik turun pasaran ekuiti tempatan sepanjang tempoh Mac 2024 hingga Ogos 2024 ialah:

**Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK):** Pertumbuhan ekonomi Malaysia meningkat pada suku kedua tahun 2024, dengan kadar pertumbuhan sebanyak 5.9%, berbanding 4.2% pada suku pertama tahun 2024.

Pertumbuhan KDNK pada suku kedua merupakan yang tertinggi sejak suku keempat 2022, disebabkan oleh prestasi yang kukuh dalam semua sektor. Pertumbuhan yang memberasangkan ini telah meningkatkan kadar pengembangan dalam separuh pertama (H1) 2024 kepada 5.1% (H1 2023: 4.1%), meletakkan Malaysia dalam kedudukan yang selesa untuk menutup tahun 2024 dengan pertumbuhan yang hampir kepada had atas julat ramalan rasmi Kerajaan sebanyak 4.0% hingga 5.0%.

**Kadar Dasar Semalaman (OPR):** Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) telah mengekalkan kadar OPR pada 3.00% dari Mac 2024 hingga Ogos 2024. BNM dijangka akan terus mengekalkan kadar OPR pada 3.00% sepanjang tahun 2024, berdasarkan data utama domestik yang stabil dan inflasi teras, serta prospek pertumbuhan KDNK yang kukuh sekitar 4.0% hingga 5.0%.

**Kadar Faedah Amerika Syarikat:** Salah satu faktor utama yang mempengaruhi pasaran global adalah perubahan kadar faedah di ekonomi terbesar dunia ini. Kadar faedah tertinggi yang direkodkan iaitu 5.50% kekal hingga kini sejak bulan Julai 2023. Keadaan ini berlaku kerana Amerika Syarikat masih menghadapi kadar inflasi yang tinggi dan belum mencapai sasaran 2.0%. Walaupun begitu, kadar inflasi kini menunjukkan penurunan dan ramai penganalisis menjangkakan Amerika Syarikat akan menurunkan kadar faedah untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Ini memberikan rangsangan yang positif kepada pasaran global dan secara tidak langsung memberi dorongan kepada pasaran domestik.

**Inflasi:** Kadar inflasi pada bulan Mac 2024 berada pada 1.8% dan kekal pada tahap ini hingga bulan April 2024 sebelum meningkat kepada 2.0% pada bulan Mei 2024. Kenaikan ini didorong oleh peningkatan harga dalam kumpulan utama seperti perumahan, air, elektrik, gas, dan bahan api lain sebanyak 3.2% serta kenaikan 3.2% dalam perkhidmatan restoran dan penginapan. Kadar inflasi kekal pada 2.0% sehingga data terkini untuk bulan Julai. Pada Julai 2024, kadar inflasi 2.0% adalah sedikit lebih rendah daripada jangkauan pasaran sebanyak 2.1%, dan kekal tidak berubah selama tiga bulan berturut-turut. Walaupun terdapat tekanan inflasi dalam beberapa segmen seperti barang kemas dan jam tangan serta perkhidmatan terpilih dalam Indeks Harga Pengguna (CPI), ini sebahagian besarnya diimbangi oleh penurunan inflasi dalam kategori makanan seperti makanan di luar rumah dan makanan segar.



**Pergerakan Mata Wang Ringgit:** Ringgit Malaysia mencatatkan kenaikan nilai sebanyak 8.97% dari 1 Mac 2024 (USD1=RM4.75) hingga 31 Ogos 2024 (USD1=RM4.32). Prestasi ini disokong oleh jangkaan penganalisis bahawa Fed akan mengurangkan kadar faedah pada separuh kedua tahun ini, mengurangkan jurang perbezaan antara kadar faedah AS dan OPR, sekaligus menyokong pengukuhan ringgit. Selain itu, reformasi fiskal yang bertujuan mengurangkan defisit belanjawan dan pertumbuhan KDNK yang kukuh juga menyokong mata wang ringgit.

**Keputusan Korporat:** Sektor-sektor yang mencatatkan perkembangan memberangsangkan termasuk sektor hartanah, perbankan, dan pembinaan dengan pulangan masing-masing sebanyak 13.32%, 14.8%, dan 31.19%, dalam masa Mac 2024 – Ogos 2024. Kebanyakan peninjau antarabangsa mendapati Malaysia telah menjadi tumpuan utama bagi perniagaan antarabangsa yang ingin mengembangkan operasi di ASEAN antara tahun 2024 dan 2025.

Sebagai contoh, Yusuke Ojima, Pengarah Urusan Nihon M&A Centre Malaysia, menyatakan Malaysia adalah lokasi yang baik untuk meneroka pasaran negara jiran kerana kedudukan strategik dan infrastruktur perniagaan yang kukuh. Ditambah dengan inisiatif di bawah kerangka Ekonomi MADANI seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Negara (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), ini merancakkan lagi penglibatan sektor korporat dan meningkatkan aktiviti ekonomi dalam sektor-sektor berkenaan.

**Minyak Mentah:** Harga minyak mentah mencatatkan penurunan sebanyak 5.69% dari Mac 2024 (USD83.55 setong) hingga Ogos 2024 (USD78.80 setong). Penurunan mendadak ini disebabkan oleh peningkatan bekalan minyak mentah dan kemerosotan permintaan. Selain itu, peningkatan pengeluaran minyak dari negara OPEC+ turut menambah ketegangan harga minyak mentah. Pada masa yang sama, kebimbangan terhadap pertumbuhan ekonomi China menambah cabaran dalam pasaran minyak.

**Ulasan Pasaran Wang:** Bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2024, kadar semalaman yang ditawarkan oleh bank berlegar pada 3.00%, selaras dengan kadar OPR sebanyak 3.00%. Selepas semakan pada 11 Julai 2024, BNM memutuskan untuk mengekalkan kadar pada 3.00%. Pada tahap OPR semasa, pendirian dasar monetari kekal menyokong ekonomi dan selaras dengan penilaian semasa terhadap inflasi dan prospek pertumbuhan.

### Komisyen Ringan

Pihak Pengurus menerima komisyen ringan daripada syarikat-syarikat broker saham dalam bentuk bahan-bahan penyelidikan dan kajian ("*brokers' reports*") yang dibenarkan di bawah Garispanduan Tabung Unit Amanah melalui faksimili atau e-mel bagi tujuan memperoleh maklumat semasa pasaran dan perkembangan terbaru syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia.





## LAPORAN TABUNG AMANAH SAHAM KEDAH

### Komposisi Portfolio

Pegangan Ekuiti Mengikut Sektor Pada 31 Ogos *	2024	2023	2022
	(%)	(%)	(%)
Barangan Pengguna	5.65	4.37	6.57
Barangan Industri	29.48	17.41	19.22
Pembinaan	6.60	6.37	3.93
Perkhidmatan/Dagangan	14.41	23.69	25.86
Hartanah	-	1.36	7.66
Perladangan	-	-	1.05
Teknologi	19.37	24.94	18.94
Telekomunikasi	1.36	-	-
REITS	3.07	4.74	7.66
Kewangan	3.09	4.56	4.34
Tenaga	8.34	0.09	-
<b>Jumlah</b>	<b>91.37</b>	<b>87.53</b>	<b>95.00</b>
Pelaburan Mengikut Kategori Pada 31 Ogos *	2024	2023	2022
	(%)	(%)	(%)
Ekuiti	91.37	87.53	95.00
Pasaran Wang	8.03	11.85	3.89
Aset Bersih Lain	0.60	0.62	1.11
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

(\*) Tabung ASK hanya melabur di pasaran saham dan pasaran wang tempatan.

(\*\*) Peratusan dikira berdasarkan NAB di akhir tempoh.

### Pergerakan Nilai Modal

Pergerakan Nilai Modal		Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos		
		2024	2023	2022
Nilai Aset Bersih (NAB)	RM	27,049,362	23,691,598	22,106,311
Unit Dalam Edaran	Unit	90,700,000	93,500,000	95,400,000
NAB Seunit	RM	0.2982	0.2534	0.2317
NAB Seunit Tertinggi	RM	0.3360	0.2553	0.2529
NAB Seunit Terendah	RM	0.2684	0.2331	0.2107
Jumlah Pulangan	%	9.79	0.32	(6.84)
Perkembangan Modal	%	9.79	0.32	(6.84)
Pendapatan	%	-	-	-

Sumber : Laporan Kewangan Belum Beraudit

### Jumlah Pulangan

Jumlah Pulangan Tahunan *	Bagi Tahun Kewangan Berakhir Pada 28/29 Februari				
	2024	2023	2022	2021	2020
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	9.79	0.32	(6.84)	16.20	(2.12)
Purata Jumlah Pulangan **	Bagi Setengah Tahun Berakhir 31 Ogos 2024				
	Setahun	Tiga Tahun	Lima Tahun		
Purata Jumlah Pulangan (%)	17.68	10.09	16.66		

(\*) Diselaras semula mengikut peratusan dan tahun kewangan masing-masing berakhir pada 28/29 Februari.

(\*\*) Diselaras semula mengikut peratusan dan tempoh masing-masing berakhir pada 31 Ogos 2024.

Sumber : Lipper



## Pengagihan Pendapatan Dan Pecahan Unit

Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos untuk tahun 2022, 2023 dan 2024, tabung tidak membuat sebarang pengagihan pendapatan dan lain-lain bentuk pengagihan.

## Nisbah Perbelanjaan Pengurusan dan Dagangan Portfolio

Nisbah	Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos		
	2024	2023	2022
Nisbah Jumlah Perbelanjaan (NJP) - (%)	0.17	0.79	0.80
Nisbah Dagangan Portfolio (NDP) - (kali)	0.23	0.25	0.26

NJP dikira berdasarkan jumlah perbelanjaan mengurus dibahagi purata nilai aset bersih secara asas harian. NDP pula dikira berdasarkan purata kos belian dan jualan pelaburan dibahagi purata nilai aset bersih secara asas harian.

NDP menurun sedikit kepada 0.23 kali daripada 0.25 kali berikutan penurunan di dalam transaksi jualan dan belian ekuiti di samping mengambil pendekatan berhati-hati oleh Pengurus Tabung ASK. Pelaburan di dalam ekuiti berada pada tahap 91% pada akhir Ogos 2024 berbanding 88% akhir Ogos 2023.

**Pencapaian Tabung pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaiannya pada masa hadapan. Harga seunit dan pembayaran pengagihan pendapatan, jika ada boleh berubah-ubah sama ada naik ataupun turun.**



## Laporan Majlis Penyeliaan Syariah KIAM

### LAPORAN MAJLIS PENYELIAAN SYARIAH KIAM KEPADA PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM KEDAH BAGI SETENGAH TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 2024

Kami telah bertindak sebagai Majlis Penyeliaan Syariah KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD. Tanggungjawab kami adalah untuk memastikan bahawa prosedur dan proses yang digunakan oleh KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD dan peruntukan Suratikatan AMANAH SAHAM KEDAH bertarikh 25 Ogos 1999 dan Suratikatan Tambahan bertarikh 27 Februari 2014 adalah selaras dengan Prinsip-Prinsip Syariah.

Pada pendapat kami, KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD telah mengurus dan mentadbir Tabung AMANAH SAHAM KEDAH mengikut Prinsip-Prinsip Syariah dan mematuhi Garispanduan yang ditetapkan, Peraturan atau keputusan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berhubung hal ehwal Syariah bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2024.

Kami juga mengesahkan bahawa portfolio pelaburan Tabung AMANAH SAHAM KEDAH terdiri daripada sekuriti yang dikelaskan sebagai patuhan Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

**DATO' SETIA JAYA DATO' PADUKA**  
**SYEIKH HASBULLAH BIN HAJI ABDUL HALIM**  
Pengerusi  
Majlis Penyeliaan Syariah KIAM

Tarikh: 3 Oktober 2024



## Laporan Pemegang Amanah

### TRUSTEE'S REPORT TO THE UNIT HOLDERS OF AMANAH SAHAM KEDAH ("Fund")

We have acted as Trustee of the Fund for the financial period ended 31 August 2024 and we hereby confirm to the best of our knowledge, after having made all reasonable enquiries, **Kedah Islamic Asset Management Berhad** has operated and managed the Fund during the period covered by these financial statements in accordance with the following:

1. Limitations imposed on the investment powers of the management company under the deed, securities laws and the Guidelines on Unit Trust Funds;
2. Valuation and pricing is carried out in accordance with the deed; and
3. Any creation and cancellation of units are carried out in accordance with the deed and any regulatory requirement.

For and on behalf of  
**CIMB Islamic Trustee Berhad**

**Datin Ezreen Eliza Binti Zulkiplee**  
Chief Executive Officer

Kuala Lumpur, Malaysia  
Date: 3 October 2024



## **Kenyataan Pengurus Kepada Pemegang Unit ASK**

Kami, Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd Salleh Bin Haji Din dan Mohd Azad Bin Jasmi, dua daripada pengarah KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD, dengan ini menyatakan bahawa pada pandangan syarikat pengurusan, Penyata Kewangan Tabung ASK belum beraudit yang dibentangkan di dalam Laporan Setengah Tahun ini telah disediakan mengikut peruntukan Suratikatan dan memberi gambaran yang benar dan saksama berhubung hal-ehwal Tabung ASK bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2024 mengikut Prinsip Perakaunan yang diterimapakai di Malaysia dan diubahsuai oleh Garispanduan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ke atas Tabung Unit Amanah.

Untuk dan bagi pihak Pengurus  
**KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD**

**PROF. EMERITUS DATO' WIRA DR. MOHD SALLEH BIN HAJI DIN**  
Pengarah

**MOHD AZAD BIN JASMI**  
Pengarah

Tarikh: 3 Oktober 2024

**Penyata Kewangan Tabung ASK**

Penyata Kewangan Tabung ASK yang dibentang di bawah adalah **PENYATA YANG BELUM DIAUDIT** bagi setengah tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2024 berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.

**STATEMENT OF FINANCIAL POSITION  
For The Financial Period Ended 31 August 2024**

	2024 (RM)	2023 (RM)
<b>Assets</b>		
Deposits with financial institutions	2,171,367	2,807,371
Quoted Investments	24,716,277	20,737,106
	26,887,644	23,544,477
<b>Other assets</b>		
Deposits receivable	329	219
Dividends receivable	20,432	18,517
Tax recoverable	168,863	168,863
Cash at bank	14,477	13,441
Others	3,554	185,969
	207,655	387,009
<b>Total Assets</b>	<b>27,095,299</b>	<b>23,931,486</b>
<b>Liabilities</b>		
Due to Manager	35,273	29,936
Due to Trustee	1,646	1,397
Due to stockbrokers	-	199,284
Other payables and accruals	9,018	9,271
<b>Total Liabilities</b>	<b>45,937</b>	<b>239,888</b>
<b>Equity</b>		
Unitholders' capital	113,055,407	113,839,941
Accumulated losses	(86,006,045)	(90,148,343)
<b>Net Asset Value ("NAV") Attributable to Unitholders</b>	<b>27,049,362</b>	<b>23,691,598</b>
<b>Total Equity and Liabilities</b>	<b>27,095,299</b>	<b>23,931,486</b>
<b>Units in circulation</b>	<b>90,700,000</b>	<b>93,500,000</b>
<b>Net Asset Value ("NAV") per unit</b>	<b>0.2982</b>	<b>0.2534</b>



**STATEMENT OF COMPREHENSIVE INCOME**  
For The Financial Period Ended 31 August 2024

	2024 RM	2023 RM
<b>Income</b>		
Gross dividend income	278,306	318,580
Income from deposits in financial institutions	30,757	35,342
Other income	57	21
Net gain from investments:		
- Financial assets at fair value through profit and loss ("FVTPL")	-	-
- Net realised gain / (loss) on sale of investments	1,946,212	497,490
	2,255,332	851,433
<b>Expenses</b>		
Manager's fee	208,840	175,341
Trustee's fee	9,688	8,183
Auditor's remuneration	-	-
Bank & custodian charges	1,038	791
GST bank & custodian charges	-	-
Administrative expenses	-	-
	219,566	184,315
<b>Net income / (loss) before tax</b>	2,035,766	667,118
Income tax expense	-	-
<b>Net income / (loss) after tax</b>	2,035,766	667,118
Net income after tax is made up by the following:		
Net realised income / (loss)	2,035,766	667,118
Net unrealised income / (loss)	-	-

**STATEMENT OF CHANGES IN EQUITY**  
For The Financial Period Ended 31 August 2024

	Unitholders' capital	Retained earnings	Total equity
	RM	RM	RM
As at 1 March 2023	114,136,451	(90,219,960)	23,916,491
Total comprehensive gain for period	-	667,118	667,118
Unrealised changes in fair value	-	(595,501)	(595,501)
Creation of units	-	-	-
Cancellation of units	(294,941)	-	(294,941)
Distribution equalisation	(1,569)	-	(1,569)
Balance as at 31 August 2023	113,839,941	(90,148,343)	23,691,598
As at 1 March 2024	113,478,122	(88,460,443)	25,017,679
Total comprehensive gain for period	-	2,035,766	2,035,766
Unrealised changes in fair value	-	418,632	418,632
Creation of units	-	-	-
Cancellation of units	(418,606)	-	(418,606)
Distribution equalisation	(4,109)	-	(4,109)
Balance as at 31 August 2024	113,055,407	(86,006,045)	27,049,362

**STATEMENT OF CASH FLOWS**  
**For The Financial Period Ended 31 August 2024**

	2024 RM	2023 RM
<b>Cash flows from operating and investing activities</b>		
Proceeds from sale of investments	7,923,421	6,446,376
Acquisition of investments	(4,968,665)	(4,989,405)
Net dividends received	269,114	306,441
Income received from deposits	30,428	35,522
Subscription of rights	-	72,000
Other income received	57	21
Tax refund	-	-
Manager's fee paid	(202,591)	(173,729)
Trustee's fee paid	(9,454)	(8,107)
Professional fee – auditor / tax agent	(19,982)	(19,629)
Payment for other fees and expenses	(1,038)	(1,086)
Others	(3,202,776)	(1,440,421)
Net cash used in operating and investing activities	(181,486)	227,982
<b>Cash flows from financing activities</b>		
Cash paid on units cancelled	(422,715)	(296,510)
Cash received on units created	-	-
Grant received from Kedah State Government	-	-
Dividend to Unitholders	-	-
Net cash generated from financing activities	(422,715)	(296,510)
Net decrease in cash and cash equivalents	(604,201)	(68,528)
Cash and cash equivalents at 1 March 2024	2,790,045	2,889,340
Cash and cash equivalents at 31 August 2024	2,185,844	2,820,812
<b>Cash and cash equivalents comprise:</b>		
Cash at banks	14,477	13,441
Deposits with financial institutions	2,171,367	2,807,371
	2,185,844	2,820,812

**NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENT**  
**For The Financial Period Ended 31 August 2024****1. Basis Of Preparation**

The financial statements of the Fund have been prepared in accordance with Financial Reporting Standards ("FRS") and the Securities Commission's Guidelines on Unit Trust Funds in Malaysia.

The financial statements have been prepared on the historical cost basis and are presented in Ringgit Malaysia ("RM").

**2. Manager's Fee**

The Manager's fee is computed on a daily basis at 1.50% per annum of the NAV of the Fund before deducting the Manager's and Trustee's fees for that particular day.

**3. Trustee's Fee**

The Trustee's fee is computed on a daily basis at 0.07% per annum of the NAV of the Fund, before deducting the Manager's and Trustee's fee for that particular day.





#### 4. Unitholders' Capital 2024 :

	No. of units	RM
As at 1 March 2024	92,100,000	113,478,122
Creation of units	-	-
Cancellation of units	(1,400,000)	(418,606)
	90,700,000	113,059,516
Distribution equalisation	-	(4,109)
As at 31 August 2024	90,700,000	113,055,407

Amanah Saham Kedah has an approved combined fund size of 200,000,000 units.

#### 5. Units Held By Related Parties

	31 Aug 2024	31 Aug 2023
Kedah Islamic Asset Management Berhad (The Manager)	125,422	19,486
Directors of the Manager	106,607	95,073
Other related parties	16,191,321	16,191,321
<b>Total</b>	<b>16,423,350</b>	<b>16,305,880</b>

All units are held legally, not beneficially.

#### 6. Transactions with Stockbroking Companies

Details of transactions with stockbroking companies for the financial period ended 31 August 2024 are as follows:

Stockbroking Companies	Value of Trade RM	% of total Trade (%)	Brokerage Fees RM	% of total Brokerage Fees (%)
Affin Hwang Investment Bank Bhd	4,277,606	35.05	8,559	34.33
CIMB Securities Sdn Bhd	1,892,014	14.84	3,796	14.58
Maybank Investment Bank Bhd	1,427,876	11.20	2,998	11.52
RHB Investment Bank Bhd	914,712	7.17	2,086	8.02
Public Investment Bank Bhd	351,243	2.75	788	3.03
CGS International Securities Malaysia Sdn Bhd	3,886,350	30.48	7,804	29.98
<b>Total</b>	<b>12,749,802</b>	<b>100.00</b>	<b>26,031</b>	<b>100.00</b>

All stockbroking companies listed above are non-related parties with the Manager Company.

#### 7. Financial Assets at FVTPL - as at 31 August 2024

	2024 (RM)	2023 (RM)
Financial assets held for trading:		
Quoted equities	24,716,277	20,737,106
Net gain / (loss) on financial assets at FVTPL comprised:		
Realised gain / (loss) on disposals	1,946,212	497,490
Unrealised changes in fair values	-	-
	26,662,489	21,234,596



Financials assets held for trading as at 31 August 2024 are as detailed below:

Name of Counter	Quantity	Cost	Fair value	% of
Quoted Equities	Units	RM	RM	NAV
<b>Industrial Products</b>				
Ancom Nyllex Bhd	696,900	682,213	689,931	2.55
Aurelius Technologies Bhd	89,900	261,633	263,407	0.97
CPE Technology Bhd	1,050,000	1,123,500	1,113,000	4.11
Cypark Resources Bhd	290,800	267,971	191,928	0.71
EG Industries Bhd	507,600	780,306	933,984	3.45
Feytech Holdings Bhd	33,100	26,480	30,121	0.11
Jag Bhd	300,000	100,330	76,500	0.28
Kinergy Advancement Bhd	1,250,000	430,884	412,500	1.52
Kelington Group Bhd	237,300	300,192	716,646	2.65
Malayan Cement Bhd	60,000	296,924	325,800	1.20
Natongate Holdings Bhd	492,900	755,538	936,510	3.46
P.I.E Industrial Bhd	202,300	671,245	1,082,305	4.00
Seng Fong Holdings Bhd	234,666	172,480	248,746	0.92
SKP Resources Bhd	231,750	249,449	261,878	0.97
SKP Resources Bhd - Warrant Bonus	93,000	-	3,720	0.01
Uchi Technologies Bhd	100,000	317,854	382,000	1.41
EPB Group Bhd	515,700	302,707	304,263	1.12
	<b>6,385,916</b>	<b>6,739,704</b>	<b>7,973,238</b>	<b>29.48</b>
<b>Consumer Products</b>				
Able Global Bhd	251,700	467,581	498,366	1.84
Capital A Bhd	181,900	181,854	139,154	0.51
CAB Cakaran Corporation Bhd	444,500	314,716	288,925	1.07
Power Root Bhd	288,200	538,749	426,536	1.58
Pwf Corporation Bhd	200,000	179,080	175,000	0.65
	<b>1,366,300</b>	<b>1,681,979</b>	<b>1,527,981</b>	<b>5.65</b>
<b>Energy</b>				
Dayang Enterprise Holdings Bhd	289,400	486,259	752,440	2.78
Petra Energy Bhd	347,700	331,981	497,211	1.84
T7 Global Bhd	579,400	260,908	281,009	1.04
Elridge Energy Holdings Bhd	1,729,500	501,555	726,390	2.69
	<b>2,946,000</b>	<b>1,580,703</b>	<b>2,257,050</b>	<b>8.34</b>
<b>Telecommunication</b>				
Redtone Digital bhd	350,000	351,243	367,500	1.36
	<b>350,000</b>	<b>351,243</b>	<b>367,500</b>	<b>1.36</b>
<b>Construction</b>				
AME Elite Consortium Bhd	100,000	165,545	154,000	0.57
Econpile Holdings Bhd	700,000	332,695	276,500	1.02
MN Holdings Bhd	581,100	376,203	508,463	1.88
Muhibbah Engineering (M) Bhd	760,800	526,523	646,680	2.39
Sunway Construction Bhd	50,000	78,483	200,500	0.74
	<b>2,191,900</b>	<b>1,479,448</b>	<b>1,786,143</b>	<b>6.60</b>
<b>Trading / Services</b>				
Carimin Petroleum Bhd	217,100	147,628	198,646.50	0.73
Hibiscus Petroleum Bhd	583,400	1,044,118	1,283,480.00	4.74
Petronas Dagangan Bhd	10,000	226,640	210,800	0.78
Sime Darby Bhd	156,400	352,821	387,872.00	1.43
Time Dotcom Bhd	63,500	308,670	318,770.00	1.18
Tenaga Nasional Bhd	94,000	1,200,229	1,376,160.001	5.09
Uzma Bhd	121,100	73,871	21,100.00	0.45
	<b>1,245,500</b>	<b>3,353,977</b>	<b>3,896,829</b>	<b>14.41</b>
<b>Finance</b>				
Bank Islam Malaysia Bhd	314,600	965,532	836,836	3.09
	<b>314,600</b>	<b>965,532</b>	<b>836,836</b>	<b>3.09</b>
<b>REITS</b>				
Axis Real Estate Investment Trust	461,267	813,963	830,281	3.07
	<b>461,267</b>	<b>813,963</b>	<b>830,281</b>	<b>3.07</b>
<b>Technology</b>				
D&O Green Technologies Bhd	132,300	428,755	365,148	1.35
Cloudpoint Technology Bhd	785,700	499,561	604,989	2.24
Globetronics Technology Bhd	81,333	151,510	70,353	0.26
Frontken Corporation Bhd	267,200	538,604	961,920	3.56
Genetec Technology Bhd	247,100	580,870	247,100	0.91
Greatech Technology Bhd	120,000	588,039	566,400	2.09
Inari Amertron Bhd	42,700	123,597	134,505	0.50
Itmax System Bhd	141,700	340,579	486,031	1.80



Malaysia Pacific Industries	28,900	1,041,820	855,440	3.16
Pentamaster Corporation Bhd	75,000	318,606	296,250	1.10
TT Vision Holdings Bhd	118,300	106,514	102,330	0.38
Vitrox Corporation Bhd	70,000	311,346	254,800	0.94
UNISEM (M) Bhd	93,700	293,396	295,155	1.09
	<b>2,203,933</b>	<b>5,323,196</b>	<b>5,240,421</b>	<b>19.37</b>
<b>Total Investment</b>	<b>17,465,416</b>	<b>22,289,745</b>	<b>24,716,277</b>	<b>91.37</b>
<b>Excess of Fair Value over Cost</b>	<b>2,426,532</b>			

## 8. Total Expenses and Portfolio Turnover Ratios

### (a) Total Expenses Ratio ("TER")

The TER of the Fund is the ratio of the sum of fees and expenses incurred by the Fund to the average NAV of the Fund calculated on a daily basis. The fees and expenses include Manager's fee, Trustee's fee, auditors' remuneration, tax agent's fee and other administrative expenses. For the financial period ended 31 August 2024, the TER of the Fund stood at 0.17% (2023: 0.79%) and is calculated as follows:

$$\begin{aligned}
 \text{TER} &= \frac{\text{Total fees and expenses}}{\text{Average NAV}^*} \times 100 \\
 &= \frac{\text{RM45,938}}{\text{RM27,685,386}} \times 100 \\
 &= 0.17\%
 \end{aligned}$$

### (b) Portfolio Turnover Ratio ("PTR")

The PTR of the Fund is the ratio of average acquisitions and disposals of the Fund for the financial year to the average NAV of the Fund calculated on a daily basis. For the financial period ended 31 August 2024, the PTR of the Fund stood at 0.23 times (2023: 0.25).

The PTR of the Fund is calculated as follows:

$$\begin{aligned}
 \text{PTR} &= \frac{(\text{Total Acquisitions} + \text{Total Disposals}) / 2}{\text{Average NAV}^*} \\
 &= \frac{(\text{RM4,968,665} + \text{7,923,421}) / 2}{\text{RM27,685,386}} \\
 &= 0.23 \text{ times}
 \end{aligned}$$

#### Note :

(\*) The average NAV of the Fund for the financial period ended 31 August 2024 was RM27,685,386 (2023: RM23,187,151).



## Maklumat Korporat

### SYARIKAT PENGURUSAN

KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD (315167-P)

#### PEJABAT PERNIAGAAN

178, Lebuhraya Sultanah Bahiyah  
05350 Alor Setar, Kedah Darul Aman

Tel : 04-7300323 Faks : 04-7300320

E-mel : ask@kiam.com.my Laman web: www.kiam.com.my

#### LEMBAGA PENGARAH

Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Bin Haji Din

Dato Azman Bin Aziz (dilantik pada 20 Mac 2024)

Mohd Azad Bin Jasmi (dilantik pada 8 Mei 2024)

Adi Harriman Bin Abdul Majid

#### JAWATANKUASA PELABURAN

Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Bin Haji Din

Prof. Dr. Rushami Zien Bin Yusoff

Mohd Azad Bin Jasmi (dilantik pada 18 April 2024)

#### MAJLIS PENYELIAAN SYARIAH

Dato' Setia Jaya Dato' Paduka Syeikh Hasbullah Bin Haji Abdul Halim

Dato' Wira Syeikh Yahaya Bin Haji Jusoh

Prof Dr. Md. Amin Bin Abdul Rahman

#### JAWATANKUASA AUDIT & PEMATUHAN

Haji Ahmad Bin Haji Ismail

Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Bin Haji Din

Prof. Dr. Rushami Zien Bin Yusoff

#### KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Adi Harriman Bin Abdul Majid

#### SETIAUSAHA SYARIKAT

Mohammad Fairus Bin Mohammad Noor (MIA28566)

#### PEMEGANG AMANAH

CIMB Islamic Trustee Berhad (198801000556)

Aras 13, Menara CIMB

Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur

#### WAKIL KEPADA PEMEGANG AMANAH

CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H)

Aras 21, Menara CIMB

Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur

#### JURUAUDIT TABUNG & AKAUNTAN MELAPOR

PKF PLT

No.416, Jalan Dato' Keramat

10460 Pulau Pinang

#### PERUNDING PERCUKAIAN

PKF Tax Services Sdn. Bhd.

Level 33, Menara 1MK, Kompleks 1 Mont Kiara

No.1, Jalan Kiara, Mont' Kiara

50480 Kuala Lumpur

#### PEGUAMBELA & PEGUAMCARA

Tetuan Hoe & Ahmad Zaki

(Peguambela & Peguamcara)

No. 1564, Tingkat 2, Wisma Southern Bank

Jalan Kota, 05000 Alor Setar

Kedah Darul Aman

Tetuan Abdul Halim Said & Co.

Suite 25-29, Tingkat Dua

Bangunan Lembaga Padi

Jalan Tunku Ibrahim, 05000 Alor Setar

Kedah Darul Aman

#### BANK-BANK

CIMB Islamic Bank Berhad

1583, Bangunan UMNO

Jalan Tunku Ibrahim

05000 Alor Setar

Kedah Darul Aman



**KEDAH ISLAMIC ASSET MANAGEMENT BERHAD** (315167-P)  
PENGURUSAN PORTFOLIO | PENGURUSAN AMANAH SAHAM

178, Lebuhraya Sultanah Bahiyah,  
05350 Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Tel: 04-7300323 Faks: 04-7300320

E-mail: [ask@kiam.com.my](mailto:ask@kiam.com.my)